

04/12/1997

Megat puas hati harga makanan di Langkawi

ul Halim Yusof; Wan Hazmir Bakar

LANGKAWI, Rabu - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berpuas hati dengan harga makanan di Langkawi ketika berlangsung Lima '97.

Beliau yang meninjau sendiri harga makanan di kedai dan gerai makan berkata, harga makanan berpatutan dan menolak dakwaan kononnya harga makanan mahal.

"Malam semalam saya makan berempat termasuk isteri di warung dengan memesan lima hingga enam jenis lauk... harganya RM19 saja.

"Pada petangnya saya makan laksa dan air kelapa dengan harga RM3.20 saja ... siapa kata mahal. Ini semua cakap tanpa bukti," katanya ketika ditemui di majlis perasmian Kampung Buku Malaysia oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika ditanya, mungkin peniaga terbabit mengenalinya dan tidak meletakkan harga yang mahal, Megat Junid berkata: "Kita sentiasa periksa harga setiap masa. Siapa yang kata mahal."

Harga barang yang mahal, termasuk makanan di Langkawi mendapat perhatian kerajaan, termasuk Dr Mahathir, terutama ketika musim cuti dan Lima.

Baru-baru ini, Dr Mahathir memberi amaran supaya peniaga tidak mengaut keuntungan berlebihan ketika Lima '97 atau kerajaan terpaksa bertindak terhadap mereka mengikut peraturan sedia ada.

Tinjauan Berita Harian sejak Lima '97 bermula Selasa lalu juga mendapati harga makanan yang dijual di warung tepi jalan berpatutan.

Bagaimanapun, harga cenderamata Lima '97 di luar dugaan berbanding Lima sebelum ini.

Harga kemeja T untuk kanak-kanak dijual pada harga RM18, manakala untuk orang dewasa sehingga RM69 sehelai. Payung pula melebihi RM30 dan pen serta pin tali leher sehingga RM10.

(END)